

Latihan Bahagia Sesudah Derita

1. Lengkapkan sinopsis di bawah dengan pilihan jawapan yang betul. Seretkan jawapan yang diberi pada ruangan kosong di bawah.

Pilihan Jawapan					
sampah	Kesuma	mangga	ketupat	hamil	cedera
bertuah	derma	hutan	kampung	istiadat	Marakarma
pemurah	hulubalang	kayangan	saudagar	kayu	taman

Si Miskin dan isterinya meminta _____ di negeri Anta Beranta. Mereka pergi ke istana Maharaja Indera Dewa tetapi dihalau oleh Betara Angkasa Indera Dewa. Pengikut baginda telah melempar Si Miskin dan isteri dengan _____ dan batu yang menyebabkan badan pasangan suami isteri itu bengkok dan _____. Selepas kejadian itu, mereka melarikan diri ke dalam _____. Pasangan suami menerima nasib yang sama dilempar oleh penduduk kampung dengan kayu dan batu apabila telah pergi ke kawasan _____.

Si Miskin dan isterinya menyelongkar _____ untuk mencari makanan di tempat pembuangan sampah. Mereka menemukan sebiji _____ dan buku tebu di tempat itu. Mereka makan ketupat dan tebu itu kerana terialu lapar. Sebenarnya, Si Miskin ialah seorang raja _____ yang disumpah Betara Guru atas kesalahan membawa isterinya ke bumi tanpa memberitahunya. Isteri Si Miskin pun _____ dan mengidam buah mangga dan nangka yang terdapat di _____ Maharaja Indera Dewa. Si Miskin dengan rendah diri berjumpa Maharaja Indera Dewa untuk meminta mangga dan nangka walaupun berasa bimbang mendapat layanan yang teruk.

Maharaja Indera Dewa berasa kasihan kepada Si Miskin. Baginda telah memberikannya buah _____ dan nangka. Tambahan pula, nasib Si Miskin semakin _____ kerana dia juga memperoleh pelbagai barang daripada peniaga di pasar. Setelah beberapa bulan, isterinya pun bersalin seorang putera yang diberikan gelaran _____. Semasa Si Miskin menggali tanah untuk membina pondok, dia terjumpa tempayan yang banyak mengandungi emas. Dia menjual emas yang ditemuinya itu kepada _____. Nasib Si Miskin berubah menjadi orang kaya. Si Miskin yang memangku anaknya itu berseru agar kawasan hutan rimba itu dijadikan sebuah negeri yang dilengkapi istana, pembesar, _____, dan rakyat. Si Miskin menjadi raja dengan gelaran Maharaja Indera Angkasa manakala isterinya pula digelar Tuan Puteri Ratna Dewi.

Maharaja Indera Angkasa seorang raja yang adil dan _____. Tidak lama kemudian, isterinya, Tuan Puteri Ratna Dewi hamil dan melahirkan seorang puteri yang diberi nama Tuan Puteri Nila _____. Kelahiran puteri disambut penuh dengan adat _____ selama empat puluh hari empat puluh malam.

2. Padankan latar masa yang diberi dengan peristiwa yang betul.

Latar Masa	Peristiwa
Petang	Si Miskin dan isterinya tidur di hutan setelah dihalau penduduk kampung.
Empat puluh hari empat puluh malam	Selepas makan buku tebu dan ketupat, Isteri Si Miskin mengandung.
Malam	Si Miskin berada di tempat pembuangan sampah
Tiga bulan	Majlis meraikan kelahiran Tuan Puteri Nila Kesuma

3. Nyatakan gaya bahasa berdasarkan setiap contoh yang diberi.

Contoh	Gaya Bahasa
a) Baginda,titah,patik	
b) <i>Berdarah-darah</i> dan <i>bengkak-bengkak</i>	
c) Hatta	
d) Laparnya dan dahaga <i>seperti</i> akan matilah rasanya.	
e) Jangan anak <i>ku</i> bercerai	
f) <i>Ada</i> yang memberi juadah <i>Ada</i> yang memberi nasi <i>Ada</i> yang memberi buah-buahan	
g) “ Jikalau ada belas kasihan tuan <i>hamba</i> akan orang daif lagi miskin telah terbuang itu, <i>hamba</i> hendak akan buah yang seburuk-buruknya....	
h) <i>Hancurlah segala anggotaku</i>	